

19 OCT 2001

AP-Maaf

AP MOHON MAAF KEPADA PERDANA MENTERI KERANA LAPORAN SALAH

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Agensi berita antarabangsa Associated Press (AP) hari ini memohon maaf kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana laporan berita yang dibuat oleh wartawannya Sean Yoong pada 8 Okt lepas yang memetik Perdana Menteri di luar konteks.

Permohonan maaf itu terkandung dalam satu surat yang bertarikh hari ini dan ditandatangani di Kuala Lumpur oleh editor berita agensi itu, Rohan Sullivan dan Yoong sendiri.

Satu salinan surat itu yang dialamatkan kepada Dr Mahathir juga dihantar ke Bernama di sini.

Menurut kandungan surat itu, selepas Pejabat Perdana Menteri menghubungi AP untuk menarik perhatiannya akan kesilapan itu, agensi berita itu telah mengambil langkah-langkah membetulkan kesilapannya pada 10 Okt dengan meminta pelanggannya di seluruh dunia menggunakan berita baru dengan menjelaskan AP telah memetik Dr Mahathir di luar konteks.

"AP dan Encik Yoong dengan ikhlas kesal dengan kesilapan itu dan mahu memohon maaf terhadap laporan yang tidak betul itu. AP menyanjung anda dan tidak berniat menyalahgambarkan anda dalam apa cara pun.

"Kami berharap Dr Mahathir akan menerima permohonan maaf kami," kata AP dalam surat itu.

Pada 11 Okt, AP, dalam beritanya mengakui yang ia telah memetik Dr Mahathir di luar konteks mengenai respons beliau mengenai serangan udara Amerika Syarikat terhadap Afghanistan apabila menjawab satu soalan di Dewan Rakyat.

Kesilapan dalam berita yang ditulis oleh Yoong menyebabkan pejabat Perdana Menteri meminta AP dan pemberita terbabit membuat pembedulan dan memohon maaf kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

MAM ZS PR